



1	Apakah tujuan utama sesuatu perniagaan itu wujud dalam masyarakat. A Penawaran barang dan perkhidmatan B Mewujudkan peluang pekerjaan C Menambahkan pendapatan negara D Membantu masyarakat setempat	Batu Pahat No 1
2	Pernyataan di bawah merujuk kepada suatu bentuk perniagaan. • Dimiliki dan dikawal oleh seorang individu sahaja • Sumber pembiayaan seperti simpanan pemilik, pinjaman dan saudara-mara • Dikenakan cukai pendapatan perseorangan. Apakah bentuk milikan perniagaan tersebut? A Koperasi B Perkongsian C Syarikat Berhad D Milikan Tunggal	Batu Pahat No 2
3	Soalan 3 berdasarkan maklumat di bawah. KOPERASIKONTRAKTOR BUMIPUTERA BERHAD CAWANGAN BATU PAHAT Apakah kelebihan menjadi anggota perniagaan tersebut? I Liabiliti tidak terhad II Terima komisen III Terima dividen IV Terlibat dalam proses membuat keputusan A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV	Batu Pahat No 3
4	Gambar 1 mewakili sektor perniagaan.  Gambar 1 Gambar 1 menunjukkan satu aktiviti dalam sektor perniagaan. Apakah sektor tersebut? A Sektor Primer B Sektor Tertier C Sektor Sekunder D Sektor Domestik	Batu Pahat No 4

5	Maklumat berikut berkaitan Syarikat Batik Indah. <table><tr><th colspan="2">Pengilangan</th></tr><tr><th>Jualan Tahunan</th><th>Bilangan Pekerja Tetap</th></tr><tr><td>5 juta</td><td>70 orang</td></tr></table> Saiz perniagaan Syarikat Batik Indah ialah A kecil B sederhana C besar D mega	Pengilangan		Jualan Tahunan	Bilangan Pekerja Tetap	5 juta	70 orang	Batu Pahat No 5
Pengilangan								
Jualan Tahunan	Bilangan Pekerja Tetap							
5 juta	70 orang							
6	Maklumat berikut berkaitan dengan skala perniagaan bagi Mangga Manis Enterprise. Mangga Manis Enterprise merupakan pengeluar produk berasaskan nenas . Produk keluaran perniagaannya dipasarkan ke seluruh Malaysia ,Brunei, Indonesia dan Singapura . Jualan Tahunan Mangga manis Enterprise mencecah RM 785 juta setiap tahun dengan bilangan pekerja tetap seramai 452 orang sahaja . Apakah skala perniagaan Mangga Manis Enterprise? A domestik B antarabangsa C negeri D tempatan							
7	Apakah tujuan penubuhan organisasi bermotifkan untung ditubuhkan? A Membantu golongan berkemampuan mendapatkan perkhidmatan percuma B Mementingkan kebajikan ahli dan masyarakat setempat C Menyediakan premis perniagaan kepada usahawan D Menawarkan barang dan perkhidmatan	Kluang No 1						
8	Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri bentuk pemilikan perniagaan. • Hal ehwal syarikat dirahsiakan • Tidak bebas pindah milik syer • Liabiliti terhad Apakah bentuk pemilikan tersebut? A Syarikat sendirian berhad B Syarikat awam berhad C Milikan tunggal D Koperasi	Kluang No 2						

9	Rajah berikut berkaitan dengan sektor perniagaan  <pre> graph LR Sektor[Sektor] --> SektorPrimer[Sektor Primer] Sektor --> SektorX[Sektor X] Sektor --> SektorTertier[Sektor Tertier] </pre> Apakah bidang pekerjaan yang boleh dikategorikan dalam sektor X? A Guru B Buruh binaan C Penternak ayam D Pemilik Salon Rambut	Kluang No 3
10	Rajah yang berikut menunjukkan suatu skala perniagaan  <pre> graph TD Domestik[Domestik] --> P[P] Domestik --> Negeri[Negeri] Domestik --> Kebangsaan[Kebangsaan] </pre> Pilih pernyataan yang benar tentang P A Melibatkan penjualan suatu produk hanya dalam negara B Membekalkan barang dan perkhidmatan di kawasan tertentu sahaja C Penjualan suatu produk pada peringkat daerah dalam sesebuah negeri D Melibatkan penjualan produk di pasaran dalam negeri dan di luar negara	Kluang No 4

11	Rajah yang berikut berkaitan dengan sejenis perniagaan  Pernyataan manakah yang menerangkan perniagaan di atas? I. Berskala global II. Perniagaan bersaiz besar III. Terlibat dalam sektor kedua IV. Menyediakan perkhidmatan langsung A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV	Kluang No 5
12	Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Murni Puan Murni merupakan pemilik Kedai Kek Murni di Kluang . Beliau dibantu oleh 15 orang pekerja Apakah saiz perniagaan Kedai Kek Murni? A Kecil B Besar C Global D Sederhana	Kluang No 6
13	Apakah sektor yang banyak diceburi oleh penduduk Malaysia selepas merdeka ? A Sektor pembinaan B Sektor perindustrian C Sektor pertanian D Sektor perkhidmatan	Kluang No 7

14	Tujuan perniagaan adalah untuk A meningkatkan taraf hidup B menawarkan barang dan perkhidmatan C memenuhi keperluan dan kehendak pengguna D memastikan perniagaan dapat beroperasi lebih lama	Segamat No 1
15	Perniagaan manakah yang merupakan milikan tunggal? A Kedai Runcit Ali B Restoran Syed dan Sheikh C Koperasi Kg Rebana Berhad D Syarikat JAZZ Sendirian Berhad	Segamat No 2
16	Maklumat berikut menunjukkan bentuk pemilikan perniagaan.  Antara berikut, yang manakah benar tentang bentuk pemilikan perniagaan tersebut? I Kadar bayaran cukai syarikat adalah rendah II Semua pemegang saham menanggung liabiliti yang tidak terhad III Bilangan ahli yang dibenarkan adalah antara dua orang hingga 50 orang. IV Milik saham hanya boleh dipindah selepas mendapat kebenaran ahli lembaga pengarah A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV	Segamat No 3
17	Manakah yang boleh digolongkan sebagai perniagaan bersaiz kecil? C Kilang pakaian D Kedai kek dan biskut C Loji penapisan minyak D Pengeluaran ubat-ubatan	Segamat No 4
18	Aktiviti perniagaan antarabangsa dijalankan A antara penduduk luar negara. B antara satu negara dengan negara lain. C antara penduduk dalam negara D dalam sempadan sesebuah negara	Segamat No 5

19	Gambar berkaitan dengan sejenis kegiatan  Apakah jenis aktiviti dalam gambar di atas? A Satu aktiviti yang menjalankan kegiatan sosial B Satu aktiviti yang member sumbangan kepada pengguna C Satu aktiviti pertukaran barang dan perkhidmatan dalam sistem barter D Satu aktiviti jual beli barang dan perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan	Kulim No 1
20	Maklumat di bawah ini berkaitan dengan satu bentuk perniagaan • Perniagaan dikendalikan mengikut sistem piawaian yang ditetapkan oleh pemegang hak sesuatu jenama • Peniaga tidak boleh melakukan sebarang inovasi tanpa kebenaran pemegang hak Apakah bentuk perniagaan yang sesuai bagi kenyataan di atas? A Syarikat Sendirian berhad B Kontrak Pengeluaran C Usaha sama D Francais	Kulim No 2
21	Antara yang berikut, manakah kelebihan perkongsian liabiliti terhad (PLT) berbanding dengan perkongsian berhad? I Mudah diuruskan II Mudah ditubuhkan III Hayat Perkongsian berterusan IV semua rakan kongsi mempunyai tanggungan terhad A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV	Kulim No 3

22	Rajah di bawah ini berkaitan dengan sektor perniagaan <pre> graph TD A[Sektor Perniagaan] --> B[Primer] A --> C[X] A --> D[Tertier] </pre> Manakah yang mewakili X? I Pertanian II Pembinaan III Perkilangan IV Perhutanan A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV	Kulim No 4
23	Maklumat berikut berkaitan dengan kilang kek Kilang Roti Fatimah menjalankan pengeluaran secara intensif buruh. Ia dikategori sebagai perniagaan saiz sederhana kerana memiliki saiz buruh yang ramai. Kriteria di atas merujuk kepada A Syer pasaran B Bilangan buruh C Jumlah modal D Jumlah jualan tahunan	Kulim No 5
24	Antara yang berikut, manakah bukan ciri sesebuah perniagaan yang mempunyai skala perniagaan Tempatan? I. mempunyai pekerja yang berkemahiran tinggi II. syer pasaran ialah masyarakat tempatan III. jualan tahunan perniagaan adalah rendah IV. memerlukan modal yang banyak A. I dan II B. I dan IV C. II dan III D. III dan IV	Kulim No 6
25	Pernyataan manakah yang berkaitan dengan tujuan perniagaan kepada peniaga? A Mewujudkan faedah kepada pihak pengguna B Mengagihkan barang daripada pengeluar kepada pengguna C Menjual barang dan perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan D Melakukan pengeluaran barang dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan	Pedu No 1

26	Gambar di bawah merupakan bentuk perniagaan lain. JANNAH NOE TEXTILE SDN BHD  FAREEDA GLOBAL RESOURCES SDN BHD Apakah jenis bentuk perniagaan diatas? A Francais B Perkongsian PLT C Syarikat Awam Berhad D Usahasama	Pedu No 2
27	Maklumat dibawah berkaitan klasifikasi perniagaan. "Perniagaan dikategorikan bersaiz sederhana jika mempunyai nilai jualan tahunan sebanyak RM 15 juta hingga kurang daripada RM 50 juta bagi syarikat pengilangan" Antara berikut yang manakah cabaran perniagaan diatas? A Wujud jurang hubungan B Pelaporan kewangan syarikat dirahsiakan C Sukar untuk memajukan kerjaya D Undang-undang dan peraturan kerajaan	Pedu No 3
28	Perniagaan secara langsung memainkan peranan meningkatkan taraf hidup masyarakat. Bagaimanakah perniagaan memainkan peranan ini? A. Menyediakan peluang pekerjaan B. Membantu perkembangan ekonomi negara C. Menjalankan tanggungjawab sosial korporat D. Menyediakan pelbagai barang dan perkhidmatan	Kuala Lumpur Set 1 No 1
29	Apakah kelebihan syarikat sendirian berhad berbanding syarikat awam berhad? A. Beban cukai yang rendah B. Syer boleh dipindah milik secara bebas C. Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai D. Liabiliti pemegang saham terhad kepada modal yang dilaburkan	Kuala Lumpur Set 1 No 2

30	Maklumat berikut berkaitan dengan ciri suatu bentuk pemilikan perniagaan. - Perniagaan dikendalikan mengikut satu sistem piawaian yang ditetapkan oleh pemegang hak sesuatu jenama - Peniaga boleh menggunakan jenama atau cap dagangan pemegang hak - Peniaga tidak boleh melakukan sebarang inovasi tanpa kebenaran pemegang hak Apakah bentuk pemilikan tersebut? A. Francais B. Usaha sama C. Kedai sejaras D. Syarikat sendirian berhad	Kuala Lumpur Set 1 No 3
31	Rajah 1 berkaitan dengan prinsip suatu bentuk pemilikan perniagaan.  <pre> graph TD A[Pemilikan Q] --> B[Prihatin terhadap] A --> C[Keanggotaan sukarela] A --> D[Kebebasan autonomi] </pre> Rajah 1 Apakah Pemilikan Q? A. Usaha sama B. Perkongsian C. Francais D. Koperasi	Kuala Lumpur Set 1 No 4
32	Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan. Mudah ditubuhkan dan mudah diurus Dikenakan cukai individu Keputusan dibuat sepenuhnya oleh pemilik Apakah contoh pemilikan perniagaan tersebut? A. Prima Global Sdn. Bhd. B. Tiga Dimensi Enterprise C. Koperasi Belia Johor Bahru Berhad D. Perniagaan Rahmat dan Rakan – rakan	Kuala Lumpur Set 1 No 5